

01/11/1997

Ketua WTO cuba tenteram kebimbangan liberalisasi

PERTUBUHAN Perdagangan Sedunia (WTO) mempunyai peraturan bagi mengatasi sebarang kebimbangan negara membangun berkaitan isu liberalisasi.

Ketua Pengarahnya, Renato Ruggiero, berkata peraturan memang sudah ada dan ia mampu mengatasi apa juga kebimbangan yang dibangkitkan.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa globalisasi dan deregulasi yang dipelopori oleh WTO akan gagal jika peraturan baru tidak diperkenalkan bagi meliputi semua negara.

Ketika ditanya pemberita sebelum menghadiri dialog dengan menteri perdagangan dan ekonomi negara-negara G-15 di sini hari ini, Ruggiero yang berkata belum membaca kenyataan Perdana Menteri menjelaskan, setiap kebimbangan negara membangun berhubung isu liberalisasi telahpun dibincangkan.

Satu daripada kebimbangan yang dibangkitkan oleh negara membangun ialah masalah perlindungan.

"Masalah perlindungan ini telah dibincangkan dan saya beri jaminan (di sini) bahawa dalam sistem ini, ada perlindungan am dan khusus," katanya.

Isu perlindungan khususnya dalam meliberalisasi perkhidmatan kewangan telah juga dibangkitkan dalam perbincangannya dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini pagi semalam.

Sambil menyifatkan pertemuannya dengan Anwar sebagai `amat baik', Ruggiero berkata mereka membincangkan masalah dan sumbangan liberalisasi perkhidmatan kewangan tetapi tidak kejatuhan nilai mata wang di Asia Tenggara kebelakangan ini.

Katanya, liberalisasi perkhidmatan kewangan boleh membantu menyelesaikan krisis kewangan yang sedang berlaku.

Ketika menghuraikan bagaimana liberalisasi dapat menyumbang ke arah menyelesaikan isu itu, Ruggiero berkata : "Apa yang kita sedang buat ialah untuk cuba menyediakan keadaan yang membolehkan bank asing serta institusi insurans atau kewangan antarabangsa bergerak atau membuka gabungan di negara lain dengan keadaan yang serupa (dengan pihak tempatan).

"Ini adalah proses yang kita anggap sebagai proses berperingkat dan yang akan mewujudkan kepakaran, kemampuan dan modal baru," katanya.

(END)